

**UCAPAN PERASMIAN PENUTUPAN  
YANG BERHORMAT TUAN HAJI RAZAILI BIN HAJI GAPOR  
ADUN N. 29 BETING MARO  
DI**

**PROGRAM KESEDARAN PERLINDUNGAN LAPISAN OZON DAN  
KESEJAHTERAAN KELUARGA SEMPENA HARI OZON SEDUNIA  
PERINGKAT NEGERI SARAWAK TAHUN 2020**

**27 SEPTEMBER 2020 (AHAD)  
DEWAN MASYARAKAT KAMPUNG BELADIN**

---

**Salutasi**

**Yang Berusaha En. Bujang Anak Ladi  
Pemangku Pegawai Daerah Pusa  
Pejabat Daerah Pusa**

**Yang Berusaha En. Hamzah Bin Hj. Mohamad  
Pengarah  
Jabatan Alam Sekitar Negeri Sarawak**

**Yang Berusaha Puan Shahriah Bte Saharom  
Pengarah  
Lembaga Penduduk dan Pembangunan Keluarga Negeri  
Sarawak**

**Yang Berusaha Tuan Haji Mahbang Bin Labek  
Penghulu  
Kampung Beladin**

**Pemimpin-pemimpin Masyarakat Setempat**

**Wakil Agensi Kerajaan Persekutuan & Negeri**

**Para Media**

**Para Penduduk Kampung Beladin**

**Tuan-tuan dan Puan-puan yang dihormati**

## **Selamat Tengah Hari Dan Salam Sejahtera,**

1. Terlebih dahulu saya memanjatkan rasa syukur yang tidak terhingga kerana pada hari ini dengan izin dan limpah kurniaNYA dapat kita berkumpul di Majlis Perasmian Penutupan Program Kesedaran Perlindungan Lapisan Ozon Dan Kesejahteraan Keluarga Sempena Hari Ozon Sedunia Peringkat Negeri Sarawak Tahun 2020. Syabas dan tahniah kepada semua ahli jawatankuasa pelaksana yang bertekad dalam menjayakan penganjuran program ini yang sememangnya sangat signifikan dengan keperluan masyarakat pada masa kini.
2. Di kesempatan ini, saya ingin merakamkan setinggi penghargaan kepada Jabatan Alam Sekitar Negeri Sarawak yang telah menjemput saya untuk merasmikan majlis pada hari ini. Ribuan terima kasih diucapkan kepada Lembaga Penduduk dan Pembangunan Keluarga Negara (LPPKN) Negeri Sarawak, Penduduk Kampung Beladin dan semua pihak yang terlibat bagi persiapan menjayakan majlis perasmian ini.

## Tuan-tuan dan Puan-Puan sekalian

### **Konvensyen Vienna, Protokol Montreal dan Kigali Amendment**

3. Pada tahun 1985 Konvensyen Vienna bagi Perlindungan Lapisan Ozon telah diadakan bagi menangani isu lapisan ozon. Konvensyen ini telah bersetuju bahawa komitmen tinggi semua negara dunia diperlukan untuk mengawal pengeluaran dan penggunaan Bahan Pemusnah Ozon (Ozone Depleting Substances) yang menyebabkan penipisan lapisan ozon.
4. Justeru itu Perjanjian Protokol Montreal Mengenai Bahan-Bahan Yang Menipiskan Lapisan Ozon telah dimeterai pada tahun 1989. Di bawah Konvensyen Protokol Montreal, Negara, para saintis dan pihak industri bekerjasama mengurangkan sehingga 99% bahan pemusnah ozon (ozone depleting substance).
5. Bagi menambahbaik Protokol Montreal, Kigali Amendment yang berkuatkuasa mulai 2019 akan bertindak mengurangkan hydrofluorocarbon (HFCs), gas rumah hijau yang mempunyai potensi pemanasan iklim yang tinggi dan mampu memberi impak buruk kepada alam sekitar lebih dari 80% bagi tempoh 30 tahun. Langkah ini dapat mengelakkan pemanasan global sehingga 0.4°C.

6. Pada tahun ini, kita menyambut ulang tahun Konvensyen Vienna yang ke 35 tahun dan ulang tahun ke 35 perlindungan lapisan ozon secara global. Kehidupan di bumi tidak mungkin ada tanpa cahaya matahari. Walau bagaimanapun, tenaga cahaya matahari adalah terlalu kuat untuk kehidupan di bumi sekiranya tiada lapisan ozon. Lapisan ozon ini bertindak sebagai lapisan pelindung di bahagian stratosfera berfungsi untuk menapis sinaran ultra ungu (UV) berbahaya.

### **Tuan-tuan dan Puan-Puan sekalian**

#### **Tema Sambutan Hari Ozon Sedunia 2020 “Ozone For Life: 35 Years Of Ozone Layer Protection”**

7. Tema pada tahun ini adalah, ‘*Ozone for life: 35 Years of Ozone Layer Protection*’ mengingatkan kita bahawa ozon bukan sahaja penting untuk kehidupan di bumi, tetapi kita perlu meneruskan usaha melindungi lapisan ozon untuk generasi akan datang. Oleh itu, sambutan Hari Ozon Sedunia yang disambut pada 16 September adakah bertujuan meraikan kejayaan ini. Ini menunjukkan hasil kerjasama semua pihak dan pengetahuan dalam bidang sains adalah satu-satunya cara dalam menyelesaikan krisis global yang besar. Pada tahun ini, kerjasama dalam keadaan harmoni demi kebaikan bersama menjadi sangat penting terutama dalam keadaan pandemik Coronavirus yang telah membawa pelbagai kesusahan dari segi sosial dan ekonomi.

**Hadirin Sekalian,**

**Apa Yang Boleh Kita Lakukan?**

8. Persoalannya, apakah yang boleh kita buat untuk melindungi lapisan ozon? Saya ingin menyeru orang ramai untuk mengurangkan penggunaan bahan yang mengandungi *ozone depleting substance* seperti botol semburan racun serangga, alat penghawa dingin di rumah, bangunan dan kenderaan dan juga peti sejuk.
  
9. Apabila membeli peralatan baru, semak peralatan yang mempunyai label '*ozone friendly*', '*HCFC free*' or '*energy efficient*'. Ini bukan sahaja membantu melindungi alam sekitar tetapi juga membantu menjimatkan bil elektrik anda. Servis peralatan lama (bukan bebas chlorofluorocarbon - CFC) secara kerap kerana peralatan rosak boleh membebaskan chlorofluorocarbon (CFC) ke atmosfera. Lakukan pemeriksaan penyaman udara di kereta dan rumah serta peti sejuk untuk memastikan tiada kebocoran.

**Tuan-Tuan dan Puan-Puan Sekalian,**

**Penghargaan Dan Harapan**

10. Akhir kata, saya sekali lagi ingin merakamkan ucapan terima kasih dan syabas kepada semua pihak yang terlibat dalam menjayakan penganjuran program hari ini. Semoga melalui program sebegini, inisiatif menangani isu-isu penipisan lapisan ozon, pemanasan global dan perubahan iklim dapat ditingkatkan dalam usaha kita memelihara dan memulihara alam sekitar. Sokongan dan kerjasama semua adalah penting bagi menjamin keselamatan, kesihatan dan persekitaran ini terus berkekalan demi kesejahteraan dan keharmonian sejagat.
  
11. Dengan ini saya berbesar hati merasmikan Majlis Perasmian Penutupan Program Kesedaran Perlindungan Lapisan Ozon Dan Kesejahteraan Keluarga Sempena Hari Ozon Sedunia Peringkat Negeri Sarawak Tahun 2020.

“The future is in our hands!”

Syabas sekali lagi diucapkan dan terima kasih.

Sekian, wabillahi taufik wal hidayah assalamualaikum w.b.t.